

**UB586 B A H
MAHATHIR - UMNO**

KUALA LUMPUR, 16 JUN (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MENGADAKAN LAWATAN KE SATU BAHAGIAN UMNO DI SETIAP NEGERI MULAI ESOK UNTUK MENERANGKAN MENGENAI TINDAKAN-TINDAKAN BURUK YANG TELAH DIAMBIL OLEH PARTI LAWAN.

PERDANA MENTERI ANTARA LAIN AKAN MENJELASKAN MENGENAI PERCUBAAN PARTI-PARTI LAWAN MENGGANGGU PARA PEGAWAI KERAJAAN DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN TINDAKAN PARA PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 DAN DAP DALAM KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC).

+KITA PERLU TERANGKAN KEPADA BAHAGIAN TENTANG TINDAKAN-TINDAKAN BURUK YANG TELAH DIAMBIL OLEH PARTI-PARTI LAWAN UMPAMANYA USAHA MEREKA MENGGANGGU PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM MENJALANKAN TUGAS,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA TIGA JAM DI SINI HARI INI.

+LAWATAN ITU YANG BERMULA ESOK DENGAN UMNO BAHAGIAN LEMBAH PANTAI AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA 10 JULAI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU JUGA AKAN MEMBERI PENERANGAN TENTANG PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 DAN DAP YANG ADA DALAH MTUC YANG MENGGUNAKAN KESATUAN ITU UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA. -- LAGI.

1458MST 16 06 90

D251

U B587 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR **BERKATA**: +TIEREKA SANGGUP MEMPERJUDIKAN **NASIB** PEKERJA UNTUK KEPENTINGAN **DIRI** KERANA HENDAKKAN PENGARUH DAN PENGIKTIRAFAN **OLEH** ORANG **LAIN** YANG MEMPUNYAI **KEPENTINGAN LAIN**. ITU **JUGA SAYA HARUS TERANGKAN.**+

BELIAU **BERKATA**, MESYUARAT MT HARI INI **JUGA** MEMBINCANGKAN MENGENAI TARIKH PILIHAN **RAYA UMUM** DAN **TELAH BERSETUJU** SUPAYA TARIKH ITU TIDAK DITENTUKAN DAHULU.

KATANYA, BAGAIMANAPUN UMNO DIDAPATI SUDAH BERSEDIA MENGHADAPI PILIHAN **RAYA UMUM** YANG BOLEH DIAOAKAN **PADA BILA-BILA** MASAPUN.

BELIAU **BERKATA**, TARIKH **BAGI** CAWANGAN-CAWANGAN UMNO MENGADAKAN MESYUARAT MEREKA DILANJUTKAN SEHINGGA **15** JULAI KERANA ADA CAWANGAN-CAWANGAN YANG TIDAK DAPAT MENGADAKANNYA SEBELUM AKHIR BULAN INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, MESYUARAT MT ITU **JUGA** MENDENGAR TAKLIMAT DARIPADA HENTERI **PENDIDIKAN**, ENCIK **ANWAR** IBRAHIM MENGENAI **PERASAAN** TIDAK PUAS HATI YANG MASIH ADA MENGENAI PINDAAN AKTA PENDIDIKAN. -- **LAGI**.

1500MST 16 06 90

3254

U B588 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, PERASAAN TIDAK PUAS HATI ITU HARUS **DISELESAIKAN** DAHULU **SEBELUM** IA DIKEHUKAKAN DI PARLIMEN.

MENGENAI PILIHAN **RAYA KECIL DEWAN** UNDANGAN NEGERI KAWASAN KIJAL DI TERENGGANU DAN KUALA LINGGI DI **MELAKA**, DATUK SERI DR MAHATHIR **BERKATA**, UMNO SUDAH BERSEDIA DAN **YAKIN** BOLEH MENANG.

BAGAIMANAPUN **CALON** BARISAN NASIONAL **BAGI** KEDUA-DUA KAWASAN TERLIBAT BELUM **LAGI DIPILIH** KERANA MASIH ADA **BANYAK** MASA UNTUK BERBUAT **DEMIKIAN**, KATANYA. -- BERNAMA.

1509MST 16 06 90